

07 AUG 1998

Rahim-Buku

POLIS LENGKAPKAN SIASATAN BERHUBUNG BUKU 50 DALIL

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Polis kini melengkapkan siasatan terhadap isu buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM" yang didakwa mempunyai unsur fitnah terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor ketika mengulas mengenai siasatan terhadap kes itu mengesahkan bahawa setakat ini hanya seorang lelaki ditahan untuk membantu siasatan.

Ahli perniagaan bergelar "Datuk" itu ditahan 1 Ogos lepas di kediamannya di Petaling Jaya dekat sini kerana dipercayai terbabit dalam kes itu.

Abdul Rahim, yang enggan mengulas lanjut mengenai isi laporan itu, berkata polis menjalankan siasatan berdasarkan laporan yang dibuat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Masjid Bukit Aman oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Dr Mahathir semalam berkata apa-apa keputusan kerajaan mengenai kes itu bergantung kepada siasatan polis.

Sementara itu, Abdul Rahim turut menyangkal khabar angin bahawa terdapat peningkatan dalam penjualan senjata seperti parang di Klang, Sentul dan beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang oleh pekerja warganegara Indonesia berikutan dasar kerajaan tidak memperbaharui permit kerja yang berakhir 15 Ogos ini.

Abdul Rahim mengingatkan semua pihak supaya tidak menyebarkan khabar angin kerana sesiapa yang didapati berbuat demikian akan diambil tindakan tegas.

Khabar angin itu disebarkan di dalam Internet melalui e-mel oleh orang yang tidak dikenali yang mendakwa bahawa pekerja Indonesia kini membeli parang kemungkinan sebagai persediaan membantah tindakan kerajaan yang akan menghantar mereka pulang selepas permit kerja yang akan tamat tidak diperbaharui.

Abdul Rahim, ketika ditanya sama ada terdapat pembekuan kerjasama di antara polis Malaysia dan Singapura berikutan ketegangan yang timbul antara kedua-dua negara itu, berkata kerjasama antara polis kedua-dua pihak tidak terjejas.

Beliau berkata Polis Diraja Malaysia dan polis Singapura masih memberi kerjasama sebaiknya apabila diminta dan tidak ada sebarang masalah yang dihadapi.

Terdahulu Abdul Rahim mengiringi Dr Mahathir, Anwar, Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin dan beberapa menteri kabinet yang lain bersolat Jumaat di Masjid Bukit Aman.

Masjid tiga tingkat yang boleh memuatkan kira-kira 2,000 jemaah dan berharga kira-kira RM8.3 juta itu terletak di dalam perkarangan ibu pejabat Bukit Aman.

-- BERNAMA

ZAI AKD